



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**PERANGKAAN DEMOGRAFI MALAYSIA,
SUKU TAHUN PERTAMA 2026**

Penduduk Malaysia mencecah 34.4 juta namun pertumbuhan penduduk terus merosot pada kadar 0.5 dengan kelahiran hidup menurun sebanyak 3.1 peratus

PUTRAJAYA, 14 MEI 2026 – Penduduk Malaysia dianggarkan 34.4 juta pada suku tahun pertama 2026 berbanding 34.2 juta pada suku tahun pertama 2025 dengan pertumbuhan yang lebih perlahan 0.5 peratus berbanding 0.9 peratus (ST1 2025).

Ketua Perangkawan, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, “Komposisi penduduk Warganegara dan Bukan Warganegara pada suku tahun pertama 2026 masing-masing kekal pada 90.1 peratus dan 9.9 peratus. Penduduk lelaki meningkat kepada 18.0 juta daripada 17.9 juta pada suku tahun pertama 2026 dan penduduk perempuan meningkat kepada 16.3 juta daripada 16.2 juta dalam tempoh yang sama. Nisbah jantina ialah 110 lelaki bagi setiap 100 perempuan manakala nisbah jantina bagi Warganegara ialah 102. Komposisi penduduk tua (65 tahun dan lebih) meningkat daripada 7.9 peratus kepada 8.0 peratus pada suku tahun pertama 2026. Sementara itu, penduduk umur muda (0-14 tahun) merekodkan penurunan daripada 21.8 peratus kepada 21.6 peratus. Penduduk umur bekerja (15-64 tahun) meningkat daripada 70.3 peratus kepada 70.4 peratus bagi tempoh yang sama”.

Dari segi etnik, Melayu menyumbang 58.3 peratus daripada jumlah penduduk pada suku tahun pertama 2026 berbanding 58.2 peratus pada suku tahun pertama 2025. Komposisi penduduk Bumiputera Lain dan etnik India kekal tidak berubah berbanding suku tahun pertama 2025 iaitu masing-masing pada 12.3 peratus dan 6.5 peratus. Sementara itu, etnik Cina mencatatkan penurunan kepada 22.1 peratus pada suku tahunan pertama 2026 berbanding 22.2 peratus pada suku yang sama 2025. Bumiputera Lain terdiri daripada Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak dan Bumiputera Semenanjung Malaysia lain. Bumiputera Sabah menyumbang 55.3 peratus daripada Bumiputera Lain yang terdiri daripada Kadazan/ Dusun (31.7%), Bajau (26.5%), Murut (5.1%) dan Bumiputera Sabah lain (36.7%). Sementara itu, Bumiputera Sarawak yang merangkumi 32.3 peratus terdiri daripada Iban (59.1%), Bidayuh (17.1%), Melanau (10.6%) dan Bumiputera Sarawak lain (13.2%).

Ketua Perangkawan turut menyatakan, “Bilangan kelahiran hidup terus merekodkan penurunan sebanyak 3.1 peratus kepada 94,807 kelahiran berbanding

97,843 kelahiran pada suku tahun pertama 2026. Bayi lelaki melebihi bayi perempuan dengan 49,137 kelahiran berbanding 45,670 kelahiran. Nisbah jantina ketika lahir ialah 108 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Selangor merekodkan bilangan kelahiran hidup tertinggi dengan 17,990 kelahiran (19.0%) manakala kelahiran hidup terendah direkodkan di Wilayah Persekutuan Labuan dengan 294 kelahiran (0.3%). Ibu berumur 30-39 tahun mencatatkan kelahiran hidup tertinggi dengan 50,917 kelahiran (53.7%), diikuti oleh ibu berumur 20-29 tahun (38.4%), 40 tahun dan lebih (6.4%) dan kurang daripada 20 tahun (1.4%). Secara purata, seorang bayi dilahirkan bagi setiap satu minit, 44 bayi bagi setiap jam dan 1,053 bayi sehari pada suku tahun pertama 2026”.

Melayu menyumbang 69.5 peratus (65,927 kelahiran) daripada jumlah kelahiran hidup pada suku tahun pertama 2026 (ST1 2025: 65,931 kelahiran, 67.4%). Sementara itu, etnik Cina dan India masing-masing menurun kepada 7.4 peratus dan 3.8 peratus berbanding 9.1 peratus dan 4.3 peratus pada suku tahun pertama 2026. Kelahiran hidup bagi Bumiputera Lain meningkat kepada 12.6 peratus berbanding 12.4 peratus pada tempoh yang sama. Bumiputera Sabah menyumbang 62.5 peratus daripada Bumiputera Lain yang terdiri daripada Kadazan/ Dusun (32.9%), Bajau (30.8%), Murut (7.1%) dan Bumiputera Sabah lain (29.2%). Sementara itu, Bumiputera Sarawak merekodkan 31.6 peratus yang terdiri daripada Iban (58.5%), Bidayuh (16.4%), Melanau (13.0%) dan Bumiputera Sarawak lain (12.1%).

Mengulas lanjut, sebanyak 49,139 kematian telah direkodkan pada suku tahun pertama 2026, menurun 1.5 peratus berbanding suku tahun pertama 2025 (49,863 kematian). Bilangan kematian bagi lelaki adalah 28,162 manakala 20,977 kematian bagi perempuan. Nisbah jantina kematian ialah 134 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi dengan 8,042 kematian (16.4%) manakala Wilayah Persekutuan Putrajaya merekodkan bilangan kematian terendah dengan 81 kematian (0.2%). Penduduk berumur 60 tahun dan lebih merekodkan bilangan tertinggi dengan 35,130 kematian (71.5%), diikuti 41-59 tahun (19.9%), 15-40 tahun (6.8%) dan 0-14 tahun (1.8%). Secara purata, satu kematian direkodkan pada setiap satu minit, 23 kematian direkodkan setiap jam dan 546 kematian sehari pada suku tahun pertama 2026.

Melayu menyumbang 52.1 peratus (25,592 kematian) daripada jumlah kematian (ST1 2025: 25,608 kematian, 51.4%). Sementara itu, etnik Cina dan India masing-masing menurun kepada 26.0 peratus dan 8.3 peratus berbanding 26.6 peratus dan 8.5 peratus pada suku tahun pertama 2026. Kematian bagi Bumiputera Lain turut menurun kepada 10.9 peratus berbanding 11.0 peratus pada suku tahun pertama 2026. Bumiputera Sabah menyumbang 53.1 peratus daripada Bumiputera Lain yang terdiri daripada Kadazan/ Dusun (40.1%), Bajau (27.0%), Murut (6.2%) dan Bumiputera Sabah lain (26.7%). Sementara itu, Bumiputera Sarawak merekodkan 40.8 peratus yang terdiri daripada Iban (60.5%), Bidayuh (17.1%), Melanau (12.0%) dan Bumiputera Sarawak lain (10.4%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM Geohub merupakan platform pemetaan digital bagi memudahkan akses kepada statistik rasmi negara yang diintegrasikan dengan maklumat geospasial dan boleh diakses melalui portal <https://dosmgeoportal.dosm.gov.my/geohub/>.

DOSM turut membangunkan **Kalkulator Jangka Hayat** yang boleh diakses melalui laman web <http://kalkulator.dosm.gov.my/lifeexpectancy> serta dimuat turun sebagai aplikasi menerusi Google Play Store dan App Store.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
14 MEI 2026


Carta 1: Kelahiran hidup dan kematian (bilangan dan kadar) mengikut suku tahun, 2019-2026^p, Malaysia




Jadual 1: Statistik Demografi bagi suku tahun pertama, 2025 dan 2026, Malaysia

Tahun	Jumlah		Lelaki		Perempuan	
	ST1 2025	ST1 2026	ST1 2025	ST1 2026	ST1 2025	ST1 2026
Penduduk (juta)	34.2	34.4	17.9	18.0	16.2	16.3
Kelahiran hidup	97,843	94,807	50,514	49,137	47,329	45,670
Kematian	49,863	49,139	28,560	28,162	21,303	20,977
Kadar pertumbuhan (%)						
Penduduk	0.9	0.5	0.9	0.5	0.8	0.6
Kelahiran hidup	-7.5	-3.1	-7.3	-2.7	-7.6	-3.5
Kematian	1.2	-1.5	1.3	-1.4	1.0	-1.5


Carta 2: Penduduk Warganegara mengikut kumpulan etnik, suku tahun pertama 2025 dan 2026, Malaysia




Carta 3: Kelahiran hidup mengikut kumpulan etnik, suku tahun pertama 2025 dan 2026, Malaysia



Carta 4: Kematian mengikut kumpulan etnik, suku tahun pertama 2025 dan 2026, Malaysia



Carta 5: Transisi Demografi Malaysia, 1911-2024





MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

DEMOGRAPHIC STATISTICS MALAYSIA, FIRST QUARTER 2026

Malaysia's population reaches 34.4 million as growth rate continues to slow at 0.5 per cent with live births decreased by 3.1 per cent

PUTRAJAYA, 14TH MAY 2026 – Malaysia's total population was estimated at 34.4 million in the first quarter 2026 as compared to 34.2 million in the first quarter 2025 with a slower growth of 0.5 per cent as compared to 0.9 per cent (Q1 2025).

The Chief Statistician, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The composition of Citizens and Non-citizens in the first quarter 2026 remained unchanged at 90.1 per cent and 9.9 per cent, respectively. Males population increased to 18.0 million from 17.9 million in the first quarter 2026 and females rise to 16.3 million from 16.2 million in the same period. The sex ratio was 110 males for every 100 females while sex ratio for Citizens was 102. The composition of old age population (65 years and over) increased from 7.9 per cent to 8.0 per cent in the first quarter 2026. Meanwhile, young age population (0-14 years) recorded a decrease from 21.8 per cent to 21.6 per cent. The working age population (15-64 years) increased from 70.3 per cent to 70.4 per cent during the same period".

By ethnicity, Malay accounted 58.3 per cent of the population in the first quarter 2026 as compared to 58.2 per cent in the first quarter 2025. The proportion of Other Bumiputera and Indians remained unchanged at 12.3 per cent and 6.5 per cent, respectively. Meanwhile, Chinese decreased to 22.1 per cent in the first quarter 2026 from 22.2 per cent in the corresponding quarter of 2025. Other Bumiputera consists of Sabah Bumiputera, Sarawak Bumiputera and other Bumiputera Peninsular Malaysia. Sabah Bumiputera contributed 55.3 per cent of Other Bumiputera which comprised Kadazan/ Dusun (31.7%), Bajau (26.5%), Murut (5.1%) and other Sabah Bumiputera (36.7%). Meanwhile, Sarawak Bumiputera, which made up 32.3 per cent, consisted of Iban (59.1%), Bidayuh (17.1%), Melanau (10.6%) and other Sarawak Bumiputera (13.2%).

The Chief Statistician added that, "The number of live births continued to decline, at 3.1 per cent to 94,807 births as compared to 97,843 births in the first quarter 2026. Male babies outnumbered female babies with 49,137 births as compared to

45,670 births. Sex ratio at birth was 108 males for every 100 females. Selangor recorded the highest live births with 17,990 births (19.0%) while Wilayah Persekutuan Labuan recorded the lowest with 294 births (0.3%). Mothers aged 30-39 years recorded the highest live births with 50,917 births (53.7%), followed by mothers aged 20-29 years (38.4%), 40 years and over (6.4%) and less than 20 years (1.4%). On average, one baby was born per one minute, 44 babies per hour and 1,053 babies per day in the first quarter 2026”.

Malay accounted for 69.5 per cent (65,927 births) of all live births in the first quarter 2026 (Q1 2025: 65,931 births, 67.4%). Meanwhile, Chinese and Indians decreased to 7.4 per cent and 3.8 per cent as compared to 9.1 per cent and 4.3 per cent in the first quarter 2026, respectively. Live births for Other Bumiputera increased to 12.6 per cent as compared to 12.4 per cent in the same period. Sabah Bumiputera contributed 62.5 per cent of Other Bumiputera which comprised Kadazan/ Dusun (32.9%), Bajau (30.8%), Murut (7.1%) and other Sabah Bumiputera (29.2%). Meanwhile, Sarawak Bumiputera recorded 31.6 per cent which comprised Iban (58.5%), Bidayuh (16.4%), Melanau (13.0%) and other Sarawak Bumiputera (12.1%).

Commenting further, a total of 49,139 deaths were recorded in the first quarter 2026, decreased 1.5 per cent as compared to the first quarter 2025 (49,863 deaths). The number of deaths recorded for males were 28,162 while 20,977 deaths for females. Mortality sex ratio was 134 males for every 100 females. Selangor recorded the highest number of deaths with 8,042 deaths (16.4%), while Wilayah Persekutuan Putrajaya recorded the lowest with 81 deaths (0.2%). Population aged 60 years and over recorded the highest number of deaths with 35,130 deaths (71.5%), followed by 41-59 years (19.9%), 15-40 years (6.8%) and 0-14 years (1.8%). On average, one death was recorded in one minute, 23 deaths per hour and 546 deaths per day in the first quarter 2026.

Malay registered 52.1 per cent (25,592 deaths) of total number of deaths (Q1 2025: 25,608 deaths, 51.4%). Meanwhile, Chinese and Indians decreased to 26.0 per cent and 8.3 per cent as compared to 26.6 per cent and 8.5 per cent in the first quarter 2026, respectively. Deaths for Other Bumiputera also decreased to 10.9 per cent as compared to 11.0 per cent in the first quarter 2026. Sabah Bumiputera contributed 53.1 per cent of Other Bumiputera which comprised Kadazan/ Dusun (40.1%), Bajau (27.0%), Murut (6.2%) and other Sabah Bumiputera (26.7%). Meanwhile, Sarawak Bumiputera recorded 40.8 per cent which comprised Iban (60.5%), Bidayuh (17.1%), Melanau (12.0%) and other Sarawak Bumiputera (10.4%).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “*Data Nadi Ekonomi Rakyat*”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM Geohub is a digital mapping platform that enhances access to official national statistics by integrating statistical data with geospatial information. The platform is accessible via the DOSM Geoportal at <https://dosmgeoportal.dosm.gov.my/geohub/>.

DOSM has also developed the **Life Expectancy Calculator**, which can be accessed via the website <http://kalkulator.dosm.gov.my/lifeexpectancy> or downloaded as an application through Google Play Store and App Store.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
14 MAY 2026

Chart 1: Live births and deaths (number and rate) by quarterly, 2019-2026^p, Malaysia




Table 1: Demographic statistics for first quarter, 2025 and 2026, Malaysia

Year	Total		Male		Female	
	Q1 2025	Q1 2026	Q1 2025	Q1 2026	Q1 2025	Q1 2026
Population (million)	34.2	34.4	17.9	18.0	16.2	16.3
Live births	97,843	94,807	50,514	49,137	47,329	45,670
Deaths	49,863	49,139	28,560	28,162	21,303	20,977
Growth rate (%)						
Population	0.9	0.5	0.9	0.5	0.8	0.6
Live births	-7.5	-3.1	-7.3	-2.7	-7.6	-3.5
Deaths	1.2	-1.5	1.3	-1.4	1.0	-1.5

Chart 2: Citizens by ethnic group, first quarter, 2025 and 2026, Malaysia




Chart 3: Live births by ethnic group, first quarter, 2025 and 2026, Malaysia




Chart 4: Deaths by ethnic group, first quarter, 2025 and 2026, Malaysia




Chart 5: Demographic transition, Malaysia, 1911-2024

